

Please read this Product Disclosure Sheet before applying for this product.

CONSOLIDATION FINANCING SCHEME

1) What is this product about?

Consolidation Financing Scheme is an unsecured term financing facility that provides customers with the opportunity to consolidate all or several existing financing facilities into a single monthly payment. The purpose of this product is to reduce financial burden for higher net disposable income, with no cash in hand allowed.

2) What is the Shariah concept and structure for this product?

This financing is based on the concept of *Tawarruq*, which involves the purchase of an easily-traded commodity from a third party (supplier) at a spot price and then selling that commodity at a marked-up price (*Murabahah*) with payment on a deferred basis. The commodity is then sold at a spot price to obtain cash.

BIBD owns commodities purchased at the financing amount from a third party and offers to sell them to the Customer at the selling price of the financing. If the Customer agrees to buy, the payment for the commodities shall be made in deferred payments through monthly instalments. Once the commodities belong to the Customer, he shall have two options:

- i) Appoint BIBD as a disposal agent (*wakeel*) to sell the commodities to a third party on the Customer's behalf, and a payment agent to credit the sale proceeds into accounts of parties according to the payment arrangements agreed by the Customer, or
- ii) Take physical delivery of the commodities to be sold by the Customer himself and bear all associated costs such as transportation, taxes, storage and etc.

The proceeds from the sale of the commodities to third party is the financing provided to the Customer.

3) What commodities are being traded by BIBD?

The commodities traded for this concept are:

- ◆ Crude Palm Oil
- ◆ Polyethylene (PE)

4) Who can apply?

Customers who wish to apply for the Consolidation Financing Scheme must meet the following criteria:

- ◆ Brunei Citizens/Permanent Residents
- ◆ 18 years of age and above
- ◆ Receives a fixed monthly income (Salary or pension)
- ◆ Employed with Brunei Government, Semi-Government or Private Companies approved by BIBD; Self-employed individuals are also eligible

The final entitlement shall be subject to BIBD's internal credit policies and assessment.

5) What are the conditions to apply for this product?

- ◆ Existing Total Debt Service Ratio must exceed 60% in order to be eligible to apply
- ◆ Only financing facilities that were granted before 8th June 2015 are allowed to be consolidated
- ◆ Only financing facilities under the name of the Customer are allowed to be consolidated (excluding guaranteed facilities)

6) Which financing facilities can be consolidated under this scheme?

All financing facilities except for Home/Mortgage financing can be consolidated.

7) How much is my entitlement?

The Consolidation Financing Scheme entitlement is subject to the total financing amount to be consolidated and calculated according to the following:

- ◆ Up to a maximum Total Debt Service Ratio (TDSR) of 60% for those with net income of BND 1,750.00 and above
- ◆ For those with net income of below BND 1,750.00 shall be subject to BIBD's policy

The final entitlement shall be subject to BIBD's internal credit policies and assessment.

8) Which financing obligations are included in the TDSR computation?

All financing obligations including credit card facilities are included in the TDSR computation.

9) Must all existing financing obligations be consolidated?

Either all or several existing financing obligations may be consolidated.

10) What is the maximum tenure?

The tenure offered shall be that for the final TDSR to be nearest to the TDSR requirements according to respective net income, subject to BIBD's overall credit policies and assessment.

11) What is the profit rate?

The financing is provided at a profit rate of 7.5% APR.

12) What is the financing limit for the Consolidation Financing Scheme?

There is no financing limit as it is subject to the total financing amount to be consolidated according to your financing entitlement.

13) How do I apply?

Please visit our Personal Bankers at any BIBD Financing Branch or our Financing Centre to submit the required documents and complete the Consumer Financing Form.

14) What documents do I need to submit?

The documents required for a Consolidation Financing Scheme application are as follows:

- ◆ Original copy of Identification Card
- ◆ Original copy of Latest Salary Slip
- ◆ Confirmation of Salary/ Pension/ Service Contract (where applicable)
- ◆ Bank Statements with other Financial Institutions (where applicable)
- ◆ Certificate of Balance from Financing Institutions, including Finance Companies (where applicable)
- ◆ Business Registration Certificate (where applicable)*

*Subject to BIBD's assessment of the company's/customer's employment profile.

15) What are the fees and charges I have to pay?

The applicable fees and charges are as per BIBD's prevailing Schedule of Tariffs, which is published on our website.

16) What security/ collateral do customers have to provide?

A fixed monthly income such as salary or pension shall be assigned to BIBD as security/ collateral.

17) When do I start paying the monthly payments?

The monthly payments shall be deducted from your account with BIBD commencing one month after the financing has been disbursed. For example, if the financing is disbursed in September, the monthly payment shall commence in October.

18) Do I need to disclose any other information?

For better credit assessment, it would be helpful to disclose to our Personal Bankers all information on existing financing obligations with BIBD and other Financial Institutions.

19) Can I settle my financing ahead of schedule?

An early settlement fee, subject to BIBD's fees and charges as per prevailing Schedule of Tariffs, will be deducted from the rebate (*ibra'*) for any financing amount settled earlier than maturity date due to but not limited to the following situations:

- i) early settlement or early redemption including those arising from prepayments;
- ii) due to financing structuring exercise;
- iii) in the case of default;
- iv) in the event of termination or cancellation of financing before maturity date

20) What is my entitlement?

Financing Entitlement	BND		Profit Rate (APR)	%	
Financing Amount Applied	BND		Tenure	MTHS	
Deduction of Fees	BND		Monthly Payment	BND	
Remaining Financing Balance	BND		Take Home Pay	BND	

21) Where can I get further information?

Our Contact Centre is available 24 hours a day, 7 days a week at +673 2238181. Please also visit us at our website at www.bibd.com.bn, our Financing Centre at Kiulap or our Financing Branches:

- | | |
|------------------------|-----------------------|
| ◆ BIBD HQ Main Branch | ◆ Tutong Branch |
| ◆ Rimba Branch | ◆ Seria Branch |
| ◆ Manggis Branch | ◆ Panaga Branch |
| ◆ Gadong Branch | ◆ Kuala Belait Branch |
| ◆ Tanjung Bunut Branch | ◆ Serusop Branch |

IMPORTANT NOTE: The entitlement provided in this Product Disclosure Sheet is **INDICATIVE** based on current guidelines subject to changes upon final approval of the financing and is valid at the time it is provided to you.

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum memohon produk ini.

SKIM PEMBIAYAAN PENYATUAN

1) Apakah dia produk ini?

Skim Pembiayaan Penyatuan adalah satu kemudahan pembiayaan berjangka tanpa cagaran yang menyediakan pelanggan dengan peluang untuk menyatukan semua atau beberapa kemudahan pembiayaan yang sedia ada ke dalam bayaran bulanan tunggal. Tujuan produk ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan bagi pendapatan boleh guna yang lebih tinggi melalui pelarasan dalam tempoh pembayaran, tanpa tunai di tangan dibenarkan.

2) Apakah konsep dan struktur Shariah bagi produk ini?

Pembiayaan ini adalah berlandaskan konsep Tawarruq, yang melibatkan Pembelian komoditi yang mudah dijualbeli dari pihak ketiga (pembekal) pada harga “spot” yang kemudiannya dijual pada harga termasuk keuntungan (Murabahah) dengan pembayaran secara tangguh. Komoditi tersebut kemudiannya dijual pada harga “spot” untuk mendapatkan wang tunai.

BIBD memiliki komoditi yang dibeli, pada harga jumlah pembiayaan Pelanggan, daripada pihak ketiga dan menawarkan untuk menjualnya kepada Pelanggan pada harga jualan pembiayaan yang termasuk keuntungan. Jika Pelanggan bersetuju untuk membeli komoditi tersebut, pembayaran komoditi akan dibuat secara tangguh melalui bayaran bulanan. Setelah komoditi dimiliki oleh Pelanggan, Pelanggan mempunyai dua pilihan:

- Melantik BIBD sebagai agen pelupusan (Wakeel) untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga bagi pihak Pelanggan, dan sebagai agen pembayaran untuk memasukkan hasil jualan ke akaun pihak-pihak berkenaan mengikut aturan pembayaran yang dipersetujui oleh Pelanggan, atau
 - Menerima penghantaran fizikal komoditi yang akan dijual sendiri oleh Pelanggan dan menanggung semua perbelanjaan yang berkenaan seperti kos penghantaran, cukai, penyimpanan dan sebagainya
- Hasil penjualan komoditi kepada pihak ketiga adalah pembiayaan diberikan kepada Pelanggan.

3) Apakah komoditi-komoditi yang diniagakan oleh BIBD?

Komoditi-Komoditi yang diniagakan menggunakan konsep ini adalah:

- Minyak Mentah Kelapa Sawit
- Polythlene (PE)

4) Siapakah yang boleh memohon?

Pelanggan yang ingin memohon Skim Pembiayaan Penyatuan mestilah memenuhi kriteria berikut:

- Warganegara/Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam
- Berumur 18 tahun dan ke atas
- Menerima pendapatan tetap (gaji atau pensyen)
- Berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Separa Kerajaan atau Syarikat-Syarikat Swasta yang diiktiraf oleh BIBD; individu Bekerja Sendiri adalah layak

Kelayakan yang muktamad adalah tertakluk kepada polisi kredit dan penilaian dalaman BIBD.

5) Apakah syarat-syarat untuk memohon produk ini?

- Jumlah Nisbah Khidmat Hutang mestilah melebihi 60% bagi berkelayakan untuk memohon
- Kemudahan pembiayaan yang diberikan sebelum 8hb. Jun 2015 sahaja yang dibenarkan untuk disatukan
- Kemudahan pembiayaan di bawah nama Pelanggan sahaja yang dibenarkan untuk digabungkan (tidak termasuk kemudahan yang dijamin)

6) Kemudahan pembiayaan manakah yang boleh disatukan di bawah skim ini?

Semua kemudahan pembiayaan boleh disatukan kecuali pembiayaan Rumah/Gadai Janji.

7) Berapakah jumlah kelayakan saya?

Kelayakan Skim Pembiayaan Penyatuan adalah tertakluk kepada jumlah pembiayaan yang akan disatukan dan dikira seperti berikut:

- Sehingga maksimum 60% daripada Jumlah Nisbah Khidmat Hutang (TDSR) bagi yang mempunyai pendapatan bersih BND 1,750.00 dan ke atas
 - Bagi yang mempunyai pendapatan bersih di bawah BND 1,750.00 adalah tertakluk kepada polisi BIBD
- Kelayakan yang muktamad adalah tertakluk kepada polisi kredit dan penilaian dalaman BIBD.

8) Obligasi pembiayaan manakah yang termasuk di dalam pengiraan TDSR?

Semua obligasi pembiayaan termasuk kemudahan kad kredit adalah termasuk di dalam pengiraan TDSR.

9) Adakah semua obligasi pembiayaan yang sedia mesti disatukan?

Sama ada semua atau beberapa obligasi pembiayaan yang sedia ada boleh disatukan.

10) Berapakah tempoh maksimum?

Tempoh yang ditawarkan adalah di mana TDSR terakhir adalah yang paling hampir dengan kehendak TDSR mengikut pendapatan bersih masing-masing, dan juga tertakluk kepada polisi kredit dan penilaian BIBD secara keseluruhan.

11) Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan?

Kadar keuntungan pembiayaan adalah 7.5% APR.

12) Apakah had pembiayaan bagi Skim Pembiayaan Penyatuan?

Tiada had pembiayaan kerana ia adalah tertakluk kepada jumlah pembiayaan keseluruhan yang akan disatukan mengikut kelayakan pembiayaan awda.

13) Bagaimanakah cara saya untuk memohon?

Sila kunjungi Pegawai Perbankan Peribadi kami di mana-mana Cawangan Pembiayaan BIBD atau di Pusat Pembiayaan kami untuk menghadapkan dokumen-dokumen yang diperlukan dan melengkapkan Borang Pembiayaan Pengguna.

14) Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya hadapkan?

Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi Skim Pembiayaan Penyatuan adalah seperti berikut:

- Salinan asal Kad Pengenalan
- Salinan asal Slip Gaji Terkini
- Pengesahan Gaji/Pencen/Kontrak Perkhidmatan (jika berkenaan)
- Penyata Bank dengan Institusi Kewangan yang lain (jika berkenaan)
- Sijil Baki dari Institusi Kewangan, termasuk Syarikat Kewangan (jika berkenaan)
- Sijil Pendaftaran Perniagaan (jika berkenaan)*

Tertakluk kepada penilaian BIBD mengenai profil syarikat/pelanggan.

15) Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?

Caj dan yuran yang dikenakan adalah seperti di dalam Jadual Tarif semasa BIBD, yang dipaparkan di laman web kami.

16) Apakah cagaran/kolateral yang perlu saya berikan?

Pendapatan tetap bulanan seperti gaji atau pencen yang diaturkan ke BIBD sebagai cagaran/kolateral.

17) Bilakah saya mula membuat bayaran bulanan?

Bayaran bulanan akan mulai dipotong dari akaun awda di BIBD selepas sebulan pembiayaan dikeluarkan. Sebagai contoh, jika pembiayaan dikeluarkan pada bulan September, potongan bayaran bulanan akan bermula pada bulan Oktober.

18) Adakah saya perlu mendedahkan apa-apa maklumat lain?

Pendedahan kesemua maklumat mengenai obligasi pembiayaan yang sedia ada dengan BIBD dan Institusi Kewangan lain kepada Pegawai Perbankan Peribadi kami akan membantu untuk penilaian kredit yang lebih baik.

19) Bolehkah saya melunaskan pembiayaan saya lebih awal daripada jadual?

Yuran pelunasan awal, tertakluk kepada caj dan yuran BIBD seperti dalam Jadual Tarif BIBD semasa, akan dipotong dari rebat (ibra') ke atas mana-mana jumlah pembiayaan yang dilunaskan awal dari tarikh matang disebabkan tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:

- i) Pelunasan awal atau penebusan awal termasuk bayaran pendahuluan;
- ii) Disebabkan penstrukturan pembiayaan;
- iii) Disebabkan keingkaran;
- iv) Jika berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang

20) Berapakah jumlah yang saya layak?

Kelayakan Pembiayaan	BND		Kadar Keuntungan (APR)	%	
Jumlah Pembiayaan Dipohonkan	BND		Tempoh	BULAN	
Potongan Yuran	BND		Bayaran Bulanan	BND	
Jumlah Baki Pembiayaan	BND		Jumlah Dibawa Pulang	BND	

21) Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?

Pusat Perhubungan kami tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu di talian +673 223 8181. Sila juga kunjungi laman web kami di www.bibd.com.bn, Pusat Pembiayaan kami di Cawangan Kiulap atau Cawangan Pembiayaan kami:

- Cawangan Ibu Pejabat BIBD
- Cawangan Rimba
- Cawangan Manggis
- Cawangan Gadong
- Cawangan Tanjung Bunut
- Cawangan Tutong
- Cawangan Seria
- Cawangan Panaga
- Cawangan Kuala Belait
- Cawangan Serusop

NOTA PENTING: Kelayakan yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah INDIKATIF berdasarkan garis panduan semasa dan sah pada masa ia diberikan kepada awda. Tertakluk kepada perubahan pada kelulusan muktamad pembiayaan.